

**JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK**

**GERAK GEMPUR 2010**  
**PRINSIP PERAKAUNAN**  
Kertas 1  
Set 1  
OKTOBER.

**3756/1**1  $\frac{1}{4}$  jam

Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak

- 1 Pernyataan berikut berkaitan dengan satu konsep perakaunan.

Sewa dibayar perlu diselaraskan terlebih dahulu dengan sewa belum bayar (terakru) untuk satu tempoh perakaunan sebelum dipindahkan ke akaun untung rugi.

Apakah konsep perakaunan tersebut?

- A Kos sejarah  
 B Pemadanan  
 C Tempoh perakaunan  
 D Wang sebagai ukuran
- 2 Bagaimanakah Maydon Berhad memperolehi modal perniagaan?
- A Pinjaman daripada bank perdagangan  
 B Pembiayaan daripada pemilik perniagaan  
 C Sumbangan daripada pekongsi dalam perniagaan  
 D Terbitan dan penawaran saham kepada orang awam
- 3 Pernyataan di bawah menunjukkan perbezaan antara milikan tunggal dan perkongsian.

Pilih pernyataan yang **benar**.

	Milikan Tunggal	Perkongsian
A	Liabiliti pemilik perniagaan terhad	Liabiliti rakan kongsi tidak terhad
B	Pengurusan dan pentadbiran dilakukan sendiri oleh pemilik perniagaan	Pengurusan dan pentadbiran dilakukan oleh Lembaga Pengarah Perkongsian.
C	Keuntungan perniagaan dikenakan cukai pendapatan	Keuntungan perniagaan dikenakan cukai pendapatan perkongsian
D	Perjanjian antara pemilik perniagaan dengan pendaftar perniagaan tidak perlu semasa perniagaan ditubuhkan	Perjanjian perkongsian antara pekongsi disediakan sebelum perkongsian ditubuhkan

- 4 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Alfa pada 1 April 2010.

	RM
Kenderaan	14 000
Perabot	4 000
Stok	33 900
Bank	?
Tunai	1 200
Penghutang	10 640
Pemiutang	8 320
Modal	75 000

Berapakah jumlah baki di bank?

- A RM10 460  
 B RM11 660  
 C RM18 780  
 D RM23 420
- 5 Urus niaga di bawah diperoleh daripada buku Kedai Kasut Top.

Terima pinjaman RM60 000 dari Syarikat Kewangan XYZ Berhad.
---

Apakah kesan urus niaga ke atas aset dan liabiliti?

	Aset	Liabiliti
A	Bertambah	Bertambah
B	Bertambah	Berkurang
C	Berkurang	Bertambah
D	Berkurang	Berkurang

6 Antara berikut, yang manakah aset semasa?

- I Gaji terakru
- II Sewa diterima terdahulu
- III Insuran terdahulu
- IV Faedah diterima terakru

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

7 Antara berikut, yang manakah dikelaskan sebagai liabiliti?

- I Kenderaan, tunai
- II Gaji terakru, overdraf bank
- III Pemiutang, sewa diterima terdahulu
- IV Penghutang, komisen diterima terakru

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Sri Tanjung.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik	Hasil	Belanja
?	RM2 000	RM18 000	RM3 000	RM500

Berapakah jumlah aset?

- A RM16 000
- B RM17 000
- C RM20 000
- D RM22 500

- 9 Encik Emerul memulakan perniagaan menjual barangan elektrik di Bandar Baru Putra, Ipoh. Beliau membawa masuk perabot lama dari rumah untuk kegunaan pejabat.

Apakah dokumen yang digunakan untuk urus niaga tersebut?

- A Memo
  - B Slip bank
  - C Nota debit
  - D Baucer Pembayaran
- 10 Antara butiran berikut, yang manakah tidak terdapat pada sesuatu invois yang dikeluarkan?
- A K dan K di K
  - B Syarat bayaran
  - C Angkutan di bayar
  - D Faedah dikenakan
- 11 Pilih pernyataan yang betul tentang maksud catatan kontra dalam Buku Tunai.
- A Peniaga memindahkan tunai di kedai ke dalam bank
  - B Peniaga mengeluarkan tunai di bank untuk kegunaan peribadi
  - C Peniaga mengeluarkan tunai dari kedai untuk membayar pemiutang
  - D Peniaga membawa masuk tunai ke dalam perniagaan sebagai modal tambahan
- 12 Antara urus niaga berikut, yang manakah tidak dicatat dalam Jurnal Am?
- A Beli mesin secara kredit
  - B Jualan barang niaga secara kredit
  - C Ambilan barang niaga untuk kegunaan sendiri
  - D Pindahan untung kasar ke Akaun Untung Rugi

- 13 Maklumat berikut diperoleh daripada Buku Tunai Runcit sebuah perniagaan.

Pada 1 Januari 2010 juruwang menyerahkan cek bernilai RM150 untuk belanja runcit. Sepanjang bulan Januari 2010 perbelanjaan runcit berjumlah RM85. Baki akhir tunai runcit berjumlah RM65.

Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada juruwang mengikut Sistem Panjar?

- A RM65  
 B RM85  
 C RM150  
 D RM235
- 14 Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Kedai Danny.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2009

Butiran	Debit	Kredit
	RM	RM
<b>P</b>	280	
<b>Q</b>		1 500

Apakah yang diwakili oleh **P** dan **Q**?

	<b>P</b>	<b>Q</b>
A	Diskaun diterima	Tunai di tangan
B	Diskaun diberi	Tunai di tangan
C	Diskaun diterima	Tunai di bank
D	Diskaun diberi	Tunai di bank

- 15 Petikan berikut diperoleh daripada buku perniagaan Jammy Enterprise.

<b>Akaun Belian</b>		
2010	RM	
Mac 8 Bank	8 000	

Apakah urus niaga yang menerangkan catatan tersebut?

- A Beli barang niaga secara kredit  
 B Beli aset secara tunai  
 C Beli barang niaga secara tunai  
 D Beli aset secara kredit
- 16 Butiran manakah yang direkod di bahagian debit Akaun Kawalan Penghutang?
- A Kontra  
 B Pulangan keluar  
 C Bank (cek tak layan)  
 D Bank (penerimaan dari penghutang)
- 17 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Sempurna Enterprise.

Tahun	Penghutang pada 31 Disember
2008	RM15 200
2009	RM18 000

Maklumat tambahan:

Peruntukan hutang ragu adalah sebanyak 5% pada setiap tahun.

Apakah catatan jurnal bagi merekod maklumat tersebut bagi tahun berakhir 2009?

	Debit	Kredit
A	Hutang Ragu RM900	Peruntukan Hutang Ragu RM900
B	Peruntukan Hutang Ragu RM900	Hutang Ragu RM900
C	Hutang Ragu RM140	Peruntukan Hutang Ragu RM140
D	Peruntukan Hutang Ragu RM140	Hutang Ragu RM140

- 18 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Yasmeen.

Belanja memperbaiki bangunan RM2 900 secara tunai telah direkod ke dalam akaun bangunan.  
Tiada kesilapan catatan di Buku Tunai.

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan saling mengimbangi
  - B Kesilapan komisen
  - C Kesilapan terbalik
  - D Kesilapan prinsip
- 19 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Anand.

Belian alatan pejabat sebanyak RM1 200 secara tunai telah direkodkan ke akaun belian.  
Tiada kesilapan catatan di Akaun Tunai.

Apakah catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan tersebut?

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
A	Alatan pejabat RM1 200	Belian RM1 200
B	Belian RM1 200	Alatan pejabat RM1 200
C	Alatan pejabat RM2 400	Belian RM2 400
D	Belian RM2 400	Alatan pejabat RM2 400

- 20 Apakah yang dimaksudkan dengan penyata bank berbaki debit?

- A Wang masuk melebihi wang keluar
- B Wang keluar melebihi wang masuk
- C Wang masuk sama dengan wang keluar
- D Peniaga tiada berhutang dengan pihak bank

- 21 Berikut adalah baki-baki perabot sebuah perniagaan.

	RM
1 Januari 2009	7 200
31 Disember 2009	9 200

Maklumat tambahan:

Pada 31 Mac 2009, pengurus perniagaan membeli perabot bernilai RM2 400.

Berapakah susut nilai perabot tersebut?

- A RM400
  - B RM2 000
  - C RM2 400
  - D RM4 800
- 22 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Pengangkutan Ekspres.

Pada 1 Januari 2008 syarikat telah membeli sebuah kenderaan dengan harga RM32 000. Tempoh perakaunan syarikat berakhir pada bulan Jun setiap tahun.
---

Berapakah jumlah peruntukan susut nilai bagi tahun berakhir 30 Jun 2010?

- A RM3 200
  - B RM4 800
  - C RM8 000
  - D RM11 200
- 23 Apakah maksud istilah "kurangan" dalam belanjawan tunai?
- A Baki awal melebihi baki akhir
  - B Baki akhir melebihi baki awal
  - C Penerimaan melebihi pembayaran
  - D Pembayaran melebihi penerimaan

- 24 Butiran manakah yang direkod di bahagian debit Akaun Semasa pekongsi?
- A Faedah atas ambilan
  - B Faedah atas modal
  - C Kongsi untung
  - D Gaji pekongsi
- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan Perkongsian Jati.

	RM
Jumlah aset (tidak termasuk bank)	45 000
Bank	5 000
Semua aset direalis pada nilai	28 000
Pemiutang	3 600
Belanja pembubaran	600

Berapakah untung atau rugi realisasi?

- A Untung RM7 600
- B Rugi RM7 600
- C Untung RM12 600
- D Rugi RM12 600

26 Petikan berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Setia Rakan.

**Jurnal Am**

Butir	Debit RM	Kredit RM
Realisasi	10 000	
Lengkapan		8 000
Stok		2 000
(Akaun aset dipindah ke Akaun Realisasi)		

Pilih catatan yang betul?

A

<b>Akaun Realisasi</b>	
	RM
Bank	10 000

B

<b>Akaun Realisasi</b>	
	RM
Lengkapan	8 000
Stok	2 000

C

<b>Akaun Realisasi</b>	
	RM
Lengkapan	8 000
Stok	2 000

D

<b>Akaun Realisasi</b>	
	RM
Bank	10 000

27 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri saham keutamaan?

- I Mempunyai hak mengundi
- II Boleh menuntut dividen tunggakan
- III Dividen dibayar terdahulu dari pemegang saham biasa
- IV Kadar dividen bergantung kepada keuntungan syarikat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Maklumat berikut berkaitan Syarikat Pulau Jaya Berhad.

Modal Berdaftar:

1 500 000 unit 10% saham keutamaan RM2 sesaham

3 000 000 unit saham biasa RM1 sesaham

Maklumat tambahan:

Lembaga Pengarah membuat keputusan untuk menerbitkan 2 000 000 unit saham biasa dan separuh daripada saham keutamaannya.

Berapakah modal diterbitkan?

- A RM3 000 000
- B RM3 500 000
- C RM5 000 000
- D RM6 000 000

- 29 Antara berikut, yang manakah perbelanjaan hasil bagi sebuah kelab dan persatuan?
- I Penyelenggaraan kenderaan kelab
  - II Pengubahsuaian bangunan kelab
  - III Gaji dan upah pekerja
  - IV Belian perabot kelab
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
- 30 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Rekreasi Suria.

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2009**

	RM	
Yuran	2 660	
Maklumat tambahan:		
	1 Januari 2009	31 Disember 2009
	RM	RM
Yuran tertunggak	-	120
Yuran terdahulu	-	210

Berapakah jumlah yuran yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009?

- A RM2 990
- B RM2 750
- C RM2 570
- D RM2 330

- 31 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Sinar Harapan pada 31 Mac 2010.

	RM
Tunai di bank	2 500
Yuran terdahulu	120
Yuran tertunggak	90
Kadar bayaran terakru	230

Berapakah dana terkumpul pada 31 Mac 2010?

- A RM2 760
  - B RM2 700
  - C RM2 300
  - D RM2 240
- 32 Maklumat berikut diperolehi daripada buku seorang peniaga yang tidak menyimpan rekod yang lengkap.

	RM
Modal pada 1 Ogos 2009	26 500
Modal pada 31 Julai 2010	24 000
Rugi bersih	1 150

Berapakah jumlah ambilan?

- A RM1 150
  - B RM1 350
  - C RM2 500
  - D RM3 650
- 33 Apakah maklumat yang boleh didapati daripada menganalisis Buku Tunai?
- A Belian barang niaga secara kredit
  - B Jualan barang niaga secara kredit
  - C Diskaun yang diberi kepada pembeli
  - D Belian aset bukan semasa secara kredit

- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Runcit Jihah yang menyimpan rekod perakaunan tidak mengikut sistem catatan bergu pada 31 Disember 2009.

	RM
Kelengkapan	10 000
Stok	9 500
Penghutang	7 530
Pemiutang	4 110
Deposit telefon	120

Maklumat tambahan:

Kelengkapan disusutnilaikan 10% setahun pada kos.

Berapakah modal akhir perniagaan tersebut?

- A RM23 040
  - B RM22 040
  - C RM22 800
  - D RM21 800
- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kasut Al Wafi.

	RM
Bahan mentah	10 300
Buruh langsung	6 500
Kos overhead	3 100
Kerja dalam proses awal	1 150
Kerja dalam proses akhir	1 210

Berapakah jumlah kos pengeluaran?

- A RM19 840
- B RM19 900
- C RM19 960
- D RM22 260

- 36 Encik Zakirin merupakan seorang pengurus kilang elektronik di Jelapang, Ipoh. Gaji beliau berjumlah RM7 000 sebulan.

Di komponen manakah gaji pengurus kilang direkod dalam Penyata Kos Pengeluaran?

- A Belanja langsung
  - B Bahan langsung
  - C Buruh langsung
  - D Overhed
- 37 Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran pakaian kanak-kanak.

	RM
Kos berubah seunit	9.00
Jumlah kos tetap	26 000
Harga jualan seunit	13.00

Berapakah jumlah keluaran sekiranya perniagaan tersebut ingin memperoleh keuntungan sebanyak RM36 000?

- A 2 500 unit
  - B 6 500 unit
  - C 9 000 unit
  - D 15 500 unit
- 38 Nisbah perakaunan yang manakah menggunakan maklumat daripada Kunci Kira-kira?
- A Tokokan
  - B Margin untung bersih
  - C Pulangan atas modal
  - D Kadar pusing ganti stok

39 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Istiqlal

	RM
Stok pada 1 Januari 2009	4 500
Stok pada 31 Disember 2009	6 000
Belian	39 900
Tokokan - 25%	

Berapakah untung kasar?

- A RM9 600
- B RM10 500
- C RM38 400
- D RM44 400

- 40 Rajah di bawah adalah sebahagian maklumat dalam Lembaran Hampan Elektronik (LHE) yang disediakan oleh Perniagaan Alif.

	<b>A</b>	<b>B</b>	<b>C</b>	<b>D</b>
<b>1</b>		RM	RM	RM
<b>2</b>	Jualan			80 000
<b>3</b>	Stok awal		50 000	
<b>4</b>	Belian	36 000		
<b>5</b>	Pulangan belian	300		
<b>6</b>		35 700		
<b>7</b>	Angkutan masuk	500	35 200	
<b>8</b>			85 200	
<b>9</b>	Stok akhir		45 000	
<b>10</b>				40 200
<b>11</b>				39 800

Apakah sel untuk nilai kos barang untuk dijual?

- A B6
- B C8
- C D10
- D D11

KERTAS SOALAN TAMAT



**UJIAN GERAK GEMPUR  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010  
PRINSIP PERAKAUNAN**

3756/2

**Kertas 2  
Oktober**

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Tulis jawapan anda pada **Kertas Helaian Tambahan** yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Bersama-sama dengan kertas soalan ini, calon diberi alat tulis perakaunan berikut:*

<i>Buku Tunai Tiga Ruangan</i>	<i>2 helai</i>
<i>Jurnal</i>	<i>2 helai</i>
<i>Lejar</i>	<i>5 helai</i>
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
8. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.*
9. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
10. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 19 halaman bercetak.

**Bahagian A***[68 markah]**Jawab semua soalan.*

- 1 Puan Nurul Iman merupakan pemilik Kedai Alat Tulis Al-Iman, yang menjalankan perniagaan di Ipoh, Perak. Baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya pada 1 Mac 2010 adalah seperti berikut:

	<b>RM</b>
Lengkapan	6 500
Tunai	900
Overdraf bank	1 800
Stok	30 000
Penghutang – Kedai Alat Tulis ANC	3 400

Urus niaga Kedai Alat Tulis Al-Iman sepanjang bulan Mac 2010 ditunjukkan oleh dokumen perniagaan seperti dalam **Lampiran A**.

- a) Catatkan urus niaga tersebut dalam buku catatan pertama yang sesuai.  
(Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak diterima)

[10 markah]

- b) Pindahkan catatan daripada buku catatan pertama ke lejar.

[11 markah]

- c) Imbangkan akaun dan sediakan Imbangan Duga pada 31 Mac 2010.

[7 markah]

2. Faizol, Khairol dan Rusdy adalah rakan kongsi bagi Perkongsian Sahabat, telah bersetuju dengan perkara-perkara berikut dalam Ikatan Perkongsian mereka:
- i. Untung rugi hendaklah dibahagi mengikut nisbah modal.
  - ii. Faedah atas modal diberi sebanyak 4% setahun sementara faedah atas ambilan dikenakan sebanyak 8% setahun.
  - iii. Faedah atas pinjaman mengikut ketetapan dalam peruntukan Akta Perkongsian 1961.
  - iv. Faizol layak mendapat gaji RM270 sebulan dan Khairol diberi elaun sebanyak RM3 000 setahun.

Draf akaun penamat bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2010 telah disediakan dan didapati untung bersih bagi tempoh ini adalah sebanyak RM25 610.

Maklumat kewangan lain Perkongsian Sahabat pada 30 September 2010 adalah seperti berikut:

	RM
Modal: Faizol	30 000
Khairol	20 000
Rusdy	10 000
Bank	5 200
Tunai	2 020
Akaun semasa: Faizol – kredit	3 790
Khairol – kredit	3 630
Rusdy – debit	1 140
Kenderaan (kos)	65 000
Alatan Pejabat (kos)	8 900
Penghutang	8 700
Stok	6 340
Ambilan: Faizol	6 000
Khairol	7 500
Rusdy	5 200
Peruntukan susut nilai kenderaan	12 350
Peruntukan susut nilai alatan pejabat	890
Pemiutang	4 666
Peruntukan hutang ragu	264
Gaji Faizol	2 700
Elaun Khairol	2 500
Pinjaman daripada Khairol	10 000

Maklumat tambahan:

Perkara berikut belum diambil kira semasa menyediakan draf akaun penamat:

- i. Kadar bayaran bulan September 2010 RM540 belum dijelaskan.
- ii. Insurans kedai terdahulu RM300.
- iii. Kenderaan disusut nilai menggunakan kaedah baki berkurangan, sementara alatan pejabat menggunakan kaedah ansuran tetap. Semua aset bukan semasa disusut nilai pada kadar 10% setahun.
- iv. Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan pada kadar 5% atas penghutang bersih.
- v. Faedah atas pinjaman belum dibayar.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a. Penyata menyelaraskan untung bersih bagi tahun berakhir 30 September 2010.  
[8 markah]
- b. Penyata pengasingan untung rugi bagi tahun berakhir 30 September 2010.  
[5 markah]
- c. Akaun semasa pekongsi secara beruangan.  
[5 markah]

3. En.Leong, pemilik Kedai Runcit Leong, tidak menyimpan buku-buku akaunnya mengikut sistem catatan bergu. Walaubagaimanapun, dia dapat memberi maklumat tentang aset dan liabilitinya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 seperti dibawah:

Aset dan liabiliti	1 Januari	31 Disember
	RM	RM
Sewa terdahulu	–	380
Alatan pejabat	3 850	?
Penghutang	3 980	5 380
Pemiutang	3 240	2 352
Stok	3 780	7 230
Tunai di tangan	1 120	961
Bank	1 210 – debit	780 – kredit

Maklumat tambahan:

- (i) Ambilan tunai RM2 700 dan ambilan barang niaga RM420 untuk kegunaan keluarganya.
- (ii) En.Leong membawa masuk komputer peribadinya bernilai RM3 260 ke dalam perniagaan tetapi tiada sebarang catatan dibuat.
- (iii) Seorang penghutang yang berhutang sebanyak RM350 telah menghilangkan diri. En.Leong terpaksa menghapuskan hutang ini.
- (iv) Alatan pejabat disusutnilaikan pada kadar 10% setahun.
- (v) Diskaun diterima RM212 daripada pemiutang tidak direkod.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata mengira modal pada 31 Disember 2009. [7 markah]
- (b) Penyata untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. [5 markah]

4. Perniagaan K.S. Lee mengamalkan penggunaan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar. Sejumlah RM250 diperuntukkan sebagai dana runcit pada awal setiap bulan dan buku tunai runcit ini diimbangkan setiap hujung bulan. Baki buku tunai runcit pada 30 April 2010 ialah RM35. Urus niaga yang berikut berlaku sepanjang bulan Mei 2010.

2010	Urusniaga	RM
Mei 2	Beli sampul surat	12
5	Beli alas meja	50
7	Bayar minuman mesyuarat	55
18	Beli alatan pejabat	550
24	Bayar kos surat khabar bulanan	45
26	Beli fail kertas	18
28	Beli gula dan kopi	20
31	Bayar gaji kerani pejabat	650

**Anda dikehendaki:**

- (a) menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 1 Jun 2010 dengan menunjukkan analisis Alat tulis, Belanja Pejabat dan Minuman.

[8 markah]

- (b) menyenaraikan **dua** kebaikan menyediakan Buku Tunai Runcit .

[2 markah]

**Bahagian B**

[12 markah]

*Jawab satu soalan sahaja.*

5. Maklumat kewangan Kilang Batik Purnama bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2010 adalah seperti berikut:

Stok 1 Julai 2009:	RM
Barang niaga	6 420
Bahan mentah	7 340
Kerja dalam proses	5 930
Alat-alat kecil	2 510
Belian bahan mentah	57 890
Belian alat-alat kecil	3 460
Jualan	106 900
Upah pekerja kilang	33 048
Gaji pekerja	42 000
Duti bahan mentah	2 895
Pulangan belian	2 590
Pulangan jualan	2 420
Angkutan masuk bahan mentah	3 100
Mesin	62 000
Peruntukan susut nilai mesin	11 780
Sewa bangunan	6 000
Insurans kebakaran	4 800
Kadar bayaran	3 400
Pemiutang	8 200
Stok 30 Jun 2010:	
Barang siap	4 820
Bahan mentah	6 995
Kerja dalam proses	6 885
Alat-alat kecil	5 270

**Maklumat tambahan:**

- i. Satu invois belian bahan mentah RM2 100 daripada Pemborong Munir belum direkod.
- ii. 2/3 daripada sewa bangunan dan insurans kebakaran yang dibayar merupakan belanja-belanja untuk kilang.
- iii. 70 % daripada kadar bayaran adalah kadar bayaran kilang.
- iv. Mesin hendaklah disusut nilai pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- v. Sebanyak RM1 350 daripada gaji pekerja merupakan upah pekerja kilang yang tersilap direkodkan. Bakinya, gaji pekerja ini diagihkan antara kilang dengan pejabat mengikut nisbah 3 : 7.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Kos Pengeluaran Kilang Batik Purnama bagi tahun berakhir 30 Jun 2010.

[12 markah]

6. Maklumat berikut diperoleh dari buku-buku akaun Syarikat Jutaria Sdn. Bhd. pada 31 Disember bagi dua tahun berikut:

<b>Tahun 2009</b>	
	RM
Stok 1 Jan	13 200
Stok 31 Disember	11 800
Belian	99 000
Jualan	129 000
Pulangan Belian	2 000
Pulangan Jualan	1 500
Duti Belian	1 600
Modal	54 000

<b>Tahun 2008</b>	
Margin Untung Kasar	20%
Pusing Ganti Stok	7.5 kali
Kadar Pulangan Modal	20%

- (a) Anda dikehendaki menghitung perkara berikut bagi tahun 2009.
- (i) Kos Jualan [2 markah]
- (ii) Tokokan [2 markah]
- (iii) Margin Untung Kasar [2 markah]
- (iv) Pusing Ganti Stok [2 markah]
- (v) Kadar Pulangan Modal jika belanja ialah 12% daripada jualan [2 markah]
- (b) Pada tahun manakah prestasi kewangan Syarikat Jutaria Sdn. Bhd. lebih baik? Berikan alasan anda. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

LAMPIRAN A

---

---

**DOKUMEN PERNIAGAAN**

---

---

**MEMO****KEDAI ALAT TULIS AL-IMAN**

No. 16A, Jalan Indera Setia  
30640 Ipoh, Perak  
Tel: 05 - 5276421

Tarikh: 2 Mac 2010

Peringatan:

Puan Nurul Iman memasukkan wang tunai peribadi RM5 000  
ke akaun semasa perniagaan sebagai modal tambahan.

*Nurul Iman*  
Pengurus

**DOKUMEN 1**

SALINAN

No: 1572

**KEDAI ALAT TULIS AL-IMAN**

No. 16A, Jalan Indera Setia  
30640 Ipoh, Perak  
Tel: 05 - 5276421

Tarikh: 4 Mac 2010

**RESIT RASMI**

Diterima daripada : Kedai Alat Tulis ANC  
Ringgit Malaysia : Dua ribu empat ratus sahaja  
Bayaran untuk : Menjelaskan baki hutang pada 1 Mac 2010

**RM2 400.00**

Tunai/ No. Cek: MTB 128825

*Nurul Iman*  
Pengurus

**DOKUMEN 2**

SALINAN

No: 2001

**KEDAI ALAT TULIS AL-IMAN**

No. 16A, Jalan Indera Setia  
30640 Ipoh, Perak  
Tel: 05 - 5276421

**INVOIS**

Tarikh: 5 Mac 2010

Kepada:  
Koperasi Bersatu Berhad  
No. 12, Kompleks Warisan  
Ipoh, Perak

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Buku Catatan	336 buah	5.00	1 680.00
2.	Pen TQ 212	240 batang	3.00	720.00
				2 400.00
Tolak: Diskaun niaga 10 %				240.00
J U M L A H				2 160.00

(Ringgit Malaysia: Dua ribu satu ratus enam puluh sahaja)

*Syarat* : 5 % 7 hari, 3 % 14 hari  
*Serahan* : Angkutan dibayar  
*K. & K. di K*

*Maya*  
Penerima

*Nurul Iman*  
Pengurus

**DOKUMEN 3**

**MEMO**

**KEDAI ALAT TULIS AL-IMAN**

No. 16A, Jalan Indera Setia  
30640 Ipoh, Perak  
Tel: 05 - 5276421

Tarikh: 8 Mac 2010

Peringatan:

Terima makluman daripada bank kerana cek daripada Penghutang Kedai Alat Tulis ANC yang didepositkan pada 4 Mac diarah "Rujuk Penyuruh Bayar".

*Nurul Iman*  
Pengurus

**DOKUMEN 4**

ASAL

No: 3099

**PERNIAGAAN ANEKA**

No. 22, Jalan Damai  
50604 Kuala Lumpur  
Tel: 03 - 6204480

**BIL TUNAI**

Tarikh: 11 Mac 2010

Kepada  
Kedai Alat Tulis Al-Iman  
No. 16A, Jalan Indera Setia  
Ipoh, Perak

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Buku Catatan	75 buah	4.00	300.00
<b>JUMLAH</b>				<b>300.00</b>

(Ringgit Malaysia: Tiga ratus sahaja)  
Tunai / No.Cek :

*Daven*  
Pengurus

**DOKUMEN 5**

ASAL

No: 0109

**MUTIARA SDN BHD**  
 No. 201, Jalan Medan  
 11600 Georgetown, Pulau Pinang  
 Tel: 04 - 4876690

**INVOIS**

Tarikh: 14 Mac 2010

Kepada:  
 Kedai Alat Tulis Al-Iman  
 No. 16A, Jalan Indera Setia  
 30640 Ipoh, Perak

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Kamus Bestari	120 buah	20.00	2 400.00
Tolak: Diskaun niaga 20 %				480.00
<b>J U M L A H</b>				<b>1 920.00</b>

(Ringgit Malaysia: Seribu sembilan ratus dua puluh sahaja)

*Syarat* : 5 % 7 hari, 3 % 14 hari  
*Serahan* : Angkutan dibayar  
 K. & K. di K

**Nurul Iman**  
 Penerima

*Jenny*  
 Pengurus

**DOKUMEN 6**

ASAL

No: 0029

**LIM ENTERPRISE**  
 Lot 3221, Jalan Impiana  
 30520 Ipoh, Perak  
 Tel: 05 - 5276221

**INVOIS**

Tarikh: 16 Mac 2010

Kepada:  
 Kedai Alat Tulis Al-Iman  
 No. 16A, Jalan Indera Setia  
 30640 Ipoh, Perak

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Rak pameran kaca	1 unit	1 200.00	1 200.00
J U M L A H				1 200.00

(Ringgit Malaysia: Satu ribu dua ratus sahaja)

*Syarat* : 5 % 7 hari, 3 % 14 hari  
*Serahan* : Angkutan dibayar  
*K. & K. di K*

**Nurul Iman**  
 Penerima

*Lim*  
 Pengurus

DOKUMEN 7

ASAL

No: NK 0311

**MUTIARA SDN BHD**  
 No. 201, Jalan Medan  
 11600 Georgetown, Pulau Pinang  
 Tel: 04 - 4876690

**NOTA KREDIT**

Tarikh: 17 Mac 2010

Kepada  
 Kedai Alat Tulis Al-Iman  
 No. 16A, Jalan Indera Setia  
 Ipoh, Perak

Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Kamus Bestari (Barangan dipulangkan kerana salah jenama)	5 buah	20.00	100
Tolak: Diskaun niaga 20 %				20
<b>J U M L A H</b>				<b>80</b>

(Ringgit Malaysia: Lapan puluh sahaja)

*Jenny*  
 Pengurus

**DOKUMEN 8**

ASAL

No: 0832

**MUTIARA SDN BHD**  
No. 201, Jalan Medan  
11600 Georgetown, Pulau Pinang  
Tel: 04 - 4876690

Tarikh: 19 Mac 2010

**RESIT RASMI**

Diterima daripada : Kedai Alat Tulis Al-Iman  
Ringgit Malaysia : Satu ribu tujuh ratus empat puluh lapan sahaja  
Bayaran untuk : Menjelaskan invoice No. 0109  
(Diskaun tunai RM92)

**RM1 748.00**

Tunai/ No. Cek: ABB 182523

*Jenny*  
Pengurus

**DOKUMEN 9**

SALINAN

No: 2002

**KEDAI ALAT TULIS AL-IMAN**

No. 16A, Jalan Indera Setia

30640 Ipoh, Perak

Tel: 05 - 5276421

**INVOIS**

Tarikh: 23 Mac 2010

Kepada:

Koperasi Bersatu Berhad

No. 12, Kompleks Warisan

Ipoh, Perak

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Kamus Bestari	90 buah	20.00	1 800.00
2.	Pen TQ 212	240 batang	3.00	720.00
				2 520.00
Tolak: Diskaun niaga 10 %				252.00
J U M L A H				2 268.00

(Ringgit Malaysia: Dua ribu satu ratus enam puluh sahaja)

Syarat : 5 % 7 hari, 3 % 14 hari

Serahan : Angkutan dibayar

K. &amp; K. di K

*Maya*  
Penerima

*Nurul Iman*  
Pengurus

**DOKUMEN 10**

Tarikh : 26 Mac 2010  
 Penerima : Tenaga Nasional Berhad  
 Kerana : Bil elektrik

	Ringgit	Sen
Baki akhir	1 452.	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	1 452.	00
Cek ini	180.	00
Baki	1 272.	00

No: 128827

**KERATAN CEK**

**DOKUMEN 11**

**SALINAN**

**No: 1573**

**KEDAI ALAT TULIS AL-IMAN**

No. 16A, Jalan Indera Setia  
 30640 Ipoh, Perak  
 Tel: 05 - 5276421

Tarikh: 29 Mac 2010

**RESIT RASMI**

Diterima daripada : Koperasi Bersatu Berhad  
 Ringgit Malaysia : Dua ribu lima ratus sahaja  
 Bayaran untuk : Menjelaskan sebahagian invois

**RM2 500.00**

Tunai/ No. Cek: CMB 032441

*Nurul Iman*  
 Pengurus

**DOKUMEN 12**



## JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

### GERAK GEMPUR 2010

#### PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1 PRINSIP PERAKAUNAN

No.	Jawapan	No.	Jawapan
1	B	21	A
2	D	22	C
3	B	23	D
4	C	24	A
5	A	25	B
6	D	26	B
7	C	27	C
8	D	28	B
9	A	29	B
10	D	30	C
11	A	31	D
12	B	32	B
13	B	33	C
14	D	34	B
15	C	35	A
16	C	36	D
17	C	37	D
18	D	38	C
19	A	39	A
20	B	40	B



**UJIAN GERAK GEMPUR SPM 2010  
NEGERI PERAK**

**PERATURAN PEMARKAHAN  
PRINSIP PERAKAUNAN**

**Kertas 2**

**[3756/2]**

---

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

## BAHAGIAN A

1. (a)

## Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2010 Mac 1	Tunai Stok Lengkapan Penghutang – Kedai Alat Tulis ANC Bank Modal (Aset, liabiliti dan ekuiti pemilik pada tarikh ini)	RM 900 30 000 6 500 3 400   <u>40 800</u>	RM     1 800 <u>39 000</u> <u>40 800</u>
Mac 16	Lengkapan Lim Enterprise (Membeli rak pameran untuk kegunaan perniagaan)	1 200 (1/2)  (1/2)	1 200 (1/2)

## Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah	
2010 Mac 5	Koperasi Bersatu Berhad	RM 2 160	(1/2)
23	Koperasi Bersatu Berhad	2 268	(1/2)
31	Akaun Jualan / Jumlah jualan kredit	<u>4 428</u>	(1/2)

## Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Jumlah	
2010 Mac 14	Mutiara Sdn Bhd	RM 1 920	(1/2)
31	Akaun Belian / Jumlah belian kredit	<u>1 920</u>	(1/2)

## Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Jumlah	
2010 Mac 17	Mutiara Sdn Bhd	RM 80	(1/2)
31	Ak. Pulangan Belian / Jumlah Pul. Belian	<u>80</u>	(1/2)

[5 markah]

## Buku Tunai

Tarikh	Butir	Dis	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Dis	Tunai	Bank
2010		RM	RM	RM	2010		RM	RM	RM
Mac 1	Baki b/b		900 (1/2)		Mac 1	Baki b/b			1 800 (1/2)
2	Modal			5 000 (1/2)	8	Kedai A/tulis ANC			2 400 (1/2)
4	Kedai A/tulis ANC			2 400 (1/2)	11	Belian		300 (1/2)	
29	Koperasi Bersatu Bhd			2 500 (1/2)	19	Mutiara S/B	92 (1/2)		1 748 (1/2)
					26	Kadar bayaran			180 (1/2)
					31	Baki h/b		600	3 772
			<b>900</b>	<b>9 900</b>			<b>92</b>	<b>900</b>	<b>9 900</b>
Apr 1	Baki b/b		600	3 772					

[5 markah]

1. (b)

## Akaun Stok

2010		RM		2010		RM	
Mac 1	Baki b/b	30 000	(1/2)	Mac 31	Baki h/b	30 000	
		30 000				30 000	
April 1	Baki b/b	30 000					

## Akaun Lengkapan

2010		RM		2010		RM	
Mac 1	Baki b/b	6 500	(1/2)	Mac 31	Baki h/b	7 700	
16	Lim Enterprise	1 200	(1/2)			7 700	
		7 700					
Apr 1	Baki b/b	7 700					

## Kedai Alat Tulis ANC

2010		RM		2010		RM	
Mac 1	Baki b/b	3 400	(1/2)	Mac 4	Bank	2 400	(1/2)
8	Bank	2 400	(1/2)	31	Baki h/b	3 400	
		5 800				5 800	
Apr 1	Baki b/b	3 400					

## Akaun Modal

2010		RM		2010		RM	
Mac 31	Baki h/b	44 000		Mac 1	Baki b/b	39 000	(1/2)
		44 000		2	Bank	5 000	(1/2)
				Apr 1	Baki b/b	44 000	

## Lim Enterprise

2010		RM		2010		RM	
Mac 31	Baki h/b	1 200		Mac 16	Lengkapan	1 200	(1/2)
		1 200		Apr 1	Baki b/b	1 200	

## Koperasi Bersatu Berhad

2010		RM		2010		RM	
Mac 5	Jualan	2 160	(1/2)	Mac 29	Bank	2 500	(1/2)
23	Jualan	2 268	(1/2)	31	Baki h/b	1 928	
		4 428				4 428	
Apr 1	Baki b/b	1 928					

## Akaun Jualan

2010		RM		2010		RM	
Mac 31	Baki h/b	4 428		Mac 31	Pelbagai penghutang	4 428	(1/2)
		4 428		Apr 1	Baki b/b	4 428	

## Mutiara Sdn Bhd

2010		RM		2010		RM	
Mac 17	Pul. Belian	80	(1/2)	Mac 14	Belian	1 920	(1/2)
19	Bank	1 748	(1/2)			1 920	
19	Diskaun	92	(1/2)				
		1 920					

## Akaun Belian

2010		RM		2010		RM	
Mac 11	Tunai	300	(1/2)	Mac 31	Baki h/b	2 220	
31	Pelbagai pemiutang	1 920	(1/2)			2 220	
		2 220					
Apr 1	Baki b/b	2 220					

## Akaun Pulangan Belian

2010		RM		2010		RM	
Mac 31	Baki h/b	80		Mac 31	Pel. pemiutang	80	(1/2)
		80				80	
				Apr 1	Baki b/b	80	

## Akaun Kadar Bayaran

2010		RM		2010		RM	
Mac 26	Bank	180	(1/2)	Mac 31	Baki h/b	180	
Apr 1	Baki b/b	180					

## Akaun Diskaun

2010		RM		2010		RM	
Mac 31	Baki h/b	92		Mac 31	Pel. pemiutang	92	(1/2)
				Apr 1	Baki b/b	92	

[11 markah]

Kedai Alat Tulis Al-Iman  
Imbangan Duga pada 31 Mac 2010 (1/2)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Tunai	* 600 (1/2)	
Bank	* 3 772 (1/2)	
Stok	30 000 (1/2)	
Lengkapan	* 7 700 (1/2)	
Kedai Alat Tulis ANC	* 3 400 (1/2)	
Koperasi Bersatu Berhad	* 1 928 (1/2)	
Belian	* 2 220 (1/2)	
Kadar bayaran	180 (1/2)	
Modal		* 44 000 (1/2)
Lim Enterprise		1 200 (1/2)
Jualan		4 428 (1/2)
Pulangan belian		80 (1/2)
Diskaun		92 (1/2)
	<b>49 800</b>	<b>49 800</b>

[7 markah]

NOTA: \* Terima angka sendiri

2. (a)

Perkongsian Sahabat			
Penyata Menyelaraskan Untung Bersih bagi tahun berakhir 30 September 2010			
	RM	RM	
Untung bersih seperti di draf akaun		25 610	
Tambah: Insurans terdahulu		300	(1)
		25 910	
Tolak: Kadar bayaran terakru	540		(1)
Susut nilai kenderaan			
[10% x (65 000 – 12 350)]	5 265		(1)
Susut nilai alatan pejabat			
[10% x 8 900]	890		(1)
Hutang ragu			
[(5% x 8 700) – 264]	171		(1)
Faedah pinjaman Khairol			
[8% x 10 000]	800	7 666	
Untung bersih terselaras		18 244	(1 + 1 OF)

(8 markah)

## NOTA:

1. Untung bersih terselaras RM18 244 → terus 2 markah.
2. 1 OF diberi bila:
  - a. Ada butir “Untung bersih terselaras”.
  - b. Operasi betul:
    - mula dengan untung bersih belum selaras RM25 610
    - Tambah: Insurans terdahulu
    - Tolak: 3 daripada 5 pelarasan mesti betul
  - c. Angka positif ( bukan rugi bersih)

2. (b)

Perkongasian Sahabat			
Penyata Pengasingan Untung Bersih bagi tahun berakhir 30 September 2010			
	RM	RM	RM
Untung bersih terselaras			18 244
Tambah: Faedah atas ambilan:			
Faizol [8% x 6 000]	480	} (1)	
Khairol [8% x 7 500]	600		
Rusdy [8% x 5 200]	416		
			19 740
Tolak: Faedah atas modal:			
Faizol [4% x 30 000]	1 200	} (1)	
Khairol [4% x 20 000]	800		
Rusdy [4% x 10 000]	400		
Gaji Faizol [270 x 12]			3 240 (1)
Elaun Khairol			3 000
			8 640
Kongsi Untung:			11 100
Faizol [1/2 x 11 100]		} (1 + 1 OF)	5 550
Khairol [1/3 x 11 100]			3 700
Rusdy [1/6 x 11 100]			1 850
			11 100

[5 markah]

NOTA:

1. Kongsi Untung seperti skema → terus 2 markah.
2. 1 OF diberi bila:
  - a. Ada butir "Kongsi untung dan nama setiap pekongsi".
  - b. Kadar agihan untung rugi betul → 3:2:1
  - c. Operasi betul:
    - mula dengan untung bersih terselaras
    - Tambah: faedah atas ambilan
    - Tolak: 1 daripada 3 item mesti betul



3. (a)

Kedai Runcit Leong		
Penyata Pengiraan Modal pada 31 Disember 2009		
	RM	RM
<u>Aset</u>		
Alatan pejabat (3 850 + 3 260)	7 110 (1)	
Tolak: Peruntukan susut nilai (10% x 7 110)	711 (1)	
		6 399
Penghutang (RM5 380 – 350)		5 030 (1)
Stok		7 230
Tunai		961
Sewa terdahulu		380
		20 000
<u>Tolak: Liabiliti</u>		
Pemiutang (RM2 352 – 212)	2 140 (1)	
Bank (overdraf)	780 (1)	2 920
Modal pada 31 Disember 2009 / Modal akhir		17 080 (1 + 1 OF)

[7 markah]

Nota:

1. Modal akhir RM17080 → terus 2m
2. Syarat 1 OF
  - a. Ada butir atau tajuk di atas penyata
  - b. Ada 2 komponen: Aset & Liabiliti
  - c. Operasi betul: Aset – Liabiliti
  - d. Tiada butiran asing di setiap komponen

3. (b)

Kedai Runcit Leong		
Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2009		
	RM	
Modal akhir	* 17 080	
Tambah: Ambilan (RM2 700 + 420)	3 120 (1)	
	20 200	
Tolak: Modal Tambahan	3 260	
	16 940	
Tolak: Modal Awal	10 700 (2)	
Untung bersih	6 240 (1+1 OF)	

[5 markah]

Nota:

1. Untung bersih RM6 240 → terus 2m
2. Syarat 1 OF
  - a. Ada butir atau tajuk di atas penyata
  - b. 2 daripada 4 item adalah betul
    - \* terima angka sendiri bagi modal akhir
  - c. Operasi adalah betul

Jalan kerja: Pengiraan Modal Awal / Modal 1 Januari 2009

<u>ASET</u>	RM
Alatan pejabat	3 850
Penghutang	3 980
Stok	3 780
Tunai	1 120
Bank	1 210
	13 940
<u>Tolak: LIABILITI</u>	
Pemiutang	3 240
Modal awal / Modal 1 Januari 2009	10 700 (1 + 1 OF)

[2 markah]

Nota:

1. Modal awal RM10 700 → terus 2m
2. Syarat 1 OF
  - a. Ada butir “modal awal / modal 1 Januari 2009”
  - b. Ada 2 komponen: Aset & Liabiliti
  - c. Operasi betul: Aset – Liabiliti
  - d. Tiada butiran asing di setiap komponen

4. (a)

Perniagaan K.S. Lee  
BUKU TUNAI RUNCIT

Penerimaan		Tarikh	Butir	Pembayaran		Analisis Pembayaran		
						Alat Tulis	Belanja Pejabat	Minuman
RM		2009		RM		RM	RM	RM
35	½	Mei 1	Baki b/b					
214	½		Bank / Tunai					
		2	Sampul surat	12	½	12		
		5	Alas meja pejabat	50	½		50	
		7	Minuman mesyuarat	55	½			55
		24	Surat khabar	45	½		45	
		26	Fail kertas	18	½	18		
		28	Gula dan kopi	20	½			20
				200				
		31	Baki h/b	50				
250				250		30	95	75
50	½	Jun 1	Baki b/b			↑ (1)	↑ (1)	↑ (1)
200	½	1	Bank					

[8 markah]

4. (b) Kebaikan menyediakan Buku Tunai Runcit

- i. Mengurangkan catatan belanja kecil dalam Buku Tunai yang biasanya kerap berlaku.
- ii. Tidak praktikal untuk membayar belanja kecil dengan cek.
- iii. Tugas mengurus dan merekod boleh diserahkan kepada seorang juruwang runcit.

\*Pilih mana-mana **dua** jawapan yang tepat di atas.

[2 markah]

5.

Kilang Batik Purnama  
Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2010

<u>Kos Bahan Mentah</u>	RM	
Stok awal bahan mentah	RM	7 340
Belian bahan mentah (57 890 +2 100)	59 990	(1)
Tolak: Pulangan belian bahan mentah	2 590	
Belian bersih bahan mentah	57 400	
Tambah: Duti bahan mentah	2 895	
Angkutan masuk	3 100	
		63 395
		70 735
Tolak : Stok akhir bahan mentah		6 995
Kos bahan mentah yang digunakan		63 740 (1)
 <u>Kos Buruh Langsung</u>		
Gaji pekerja kilang (33 048 + 1 350)		34 398 (1)
Kos prima		98 138
 <u>Kos Overhead</u>		
Sewa bangunan (2/3 x 6 000)	4 000	(1)
Insurans kebakaran (2/3 x 4 800)	3 200	(1)
Kadar bayaran (70% x 3 400)	2 380	(1)
Susut nilai mesin [10% x (62 000 – 11 780)]	5 022	(1)
Susut nilai alat-alat kecil (2 510 + 3 460 – 5 270)	700	(1)
Gaji pekerja [(42 000 – 1 350) x 3/10]	12 195	(1)
		27 497
		125 635
Tambah : Kerja dalam proses awal		5 930 (1)
		131 565
Tolak: Kerja dalam proses akhir		6 885 (1)
Kos pengeluaran		124 680 (1OF)

[12 markah]

Syarat 1 OF kos pengeluaran

- a. Ada butir – kos pengeluaran
- b. Operasi betul – operasi tambah bagi setiap komponen
- c. Tiada butiran modal di setiap komponen

6. (a).

<b>Syarikat Jutaria Sdn. Bhd.</b>
<b>TAHUN 2009</b>

	RM		RM	
(i) <b>Kos Jualan</b>				
Stok awal / 1 Januari			13 200	(½)
Belian	99 000			
Tolak: Pulangan Belian	2 000			
Belian bersih	97 000	(½)		
Duti Belian	1 600	(½)	98 600	
			111 800	
Tolak: Stok akhir / 31 Disember			11 800	(½)
Kos Jualan			100 000	@ (2m)

(ii) Tokokan	$= \frac{\text{Untung kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100$	(½) @
	$= \frac{\text{RM } 27\,500}{\text{RM } 100\,000} \times 100$	(1) @
	$= \underline{\underline{27.50\%}}$	(2)

Jalan kerja: Pengiraan untung kasar

	RM
Jualan	129 000
Tolak: Pul. Jualan	1 500
Jualan bersih	127 500
Tolak: Kos Jualan	100 000
Untung Kasar	27 500

(iii) Margin Untung Kasar	$= \frac{\text{Untung kasar}}{\text{Jualan bersih}} \times 100$	(½) @
	$= \frac{\text{RM } 27\,500}{\text{RM } 127\,500} \times 100$	(1) @
	$= \underline{\underline{21.57\%}}$	(2)

(iv) Pusing ganti stok	$= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Stok purata}}$	(½) @
	$= \frac{\text{RM100 000}}{\text{RM 12 500}}$	(1) @
	$= \underline{\underline{8 \text{ kali}}}$	(2)

Jalan kerja: Pengiraan stok purata

Stok Purata	$= \frac{1}{2} \text{ RM}(13\,200 + 11\,800)$
	$= \underline{\underline{\text{RM12 500}}}$

(v) Kadar Pulangan atas Modal	$= \frac{\text{Untung bersih}}{\text{Modal awal}} \times 100$	(½) @
	$= \frac{\text{RM12 200}}{\text{RM54 000}} \times 100$	(1) @
	$= \underline{\underline{22.59 \%}}$	(2)

Jalan kerja:

1. Belanja	$= \frac{\text{RM127 500}}{\text{RM15 300}} \times 12\%$
2. Untung bersih	$= \text{RM}(27\,500 - 15\,300)$ $= \underline{\underline{\text{RM12 200}}}$

[10 markah]

Nota:

1. Jawapan akhir betul terus bagi 2m
2. Jawapan akhir salah, beri 1 markah kepada rumus angka
3. Jawapan rumus angka salah, beri ½ markah kepada rumus perkataan.

6. (b). Tahun 2009 lebih baik kerana:
- i. Margin untung kasar lebih tinggi (21.57%) berbanding dengan tahun 2008 (20%).
  - ii. Kadar pulangan atas modal lebih tinggi (22.59%) berbanding dengan tahun 2008 (20%).
  - iii. nisbah keberuntungan tahun 2009 lebih baik berbanding dengan tahun 2008.

[2 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT